

17 NOV 1998

Mahkamah-Karpal

KARPAL SINGH FAIL PERMOHONAN KETEPI SAMAN SEBAGAI SAKSI PENDAKWA

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Peguam Karpal Singh hari ini memfailkan permohonan untuk mengetepikan saman sebagai saksi pendakwa dalam perbicaraan kes rasuah bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar menghadapi tuduhan mengikut Ordinan No 22 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1970, dengan cuba mempengaruhi polis bagi mendapatkan penarikan balik kenyataan berhubung dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Writ notis usul itu difailkan oleh Karpal sendiri di pejabat pendaftar Mahkamah Tinggi Jenayah pada 3.40 petang.

Dalam notis itu, Karpal memohon mahkamah mengeluarkan suatu perintah bahawa saman tidak bertarikh kepada beliau sebagai saksi pendakwa oleh Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Jenayah diketepikan atas alasan ia menyusahkan dan menyalahgunakan proses Mahkamah.

Menurutnya pengeluaran saman itu menyusahkannya memandangkan beliau tidak dapat memberi apa-apa keterangan material.

Saman itu, yang diterima Karpal pada 11.30 pagi, 13 Nov lepas di luar mahkamah sewaktu perbicaraan Anwar, mengkehendaki beliau hadir pada perbicaraan itu mulai 23 Nov hingga 12 Dis ini.

Karpal, 58, dalam afidavitnya berkata, beliau hadir di Mahkamah Tinggi pada hari itu untuk membolehkan Anwar mengikrarkan afidavit dalam permohonannya bagi mendapatkan deklarasi Mahkamah Tinggi bahawa pemecatan Anwar sebagai timbalan perdana menteri dan menteri kewangan adalah melanggar perlembagaan dan tidak sah.

Karpal dilantik sebagai peguam Anwar untuk mengendalikan kes saman itu yang menamakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan masing-masing sebagai defendan pertama dan kedua.

Beliau berkata Pendakwa Raya tidak pernah menyatakan kepadanya untuk hadir sebagai saksi pada perbicaraan kes rasuah Anwar itu, yang bermula pada 2 hingga 13 Nov lepas dan akan disambung semula pada 23 Nov ini.

Karpal mendakwa pihak pendakwaan juga tidak memaklumkan kepadanya pada hari pertama perbicaraan Anwar iaitu 2 Nov lepas sewaktu beliau membuat permohonan sebagai peguam pemerhati kepada Sukma Darmawan Sasmitaat Madja. Permohonan itu telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi.

Karpal juga berkata tiada percakapan direkodkan daripadanya sebagai saksi pendakwa sebelum bermulanya perbicaraan kes rasuah Anwar seperti yang termaktub dalam Seksyen 112 Kanun Prosedur Jenayah.

"Kehadiran saya di mahkamah akan mengakibatkan gangguan yang serius dalam pelaksanaan kewajipan saya sebagai seorang peguambela dan peguamcara dan Anggota Parlimen memandangkan Dewan Rakyat pada masa ini sedang bersidang sehingga 22 Dis.

"Selanjutnya saya akan menghadiri penerimaan masuk anak saya, Ramkarpal Singh ke Gray's Inn sebagai Barrister-in-Law di London pada 26 Nov ini," katanya.

Ketika ditemui pemberita kemudian, Karpal berharap mahkamah dapat mendengar permohonannya itu pada hari perbicaraan Anwar, 23 Nov ini.

-- BERNAMA

KLS AHH NAK